



Permodalan Nasional Berhad

(38218-X)

Untuk Siaran Segera

7 September 2017

**PNB RAIKAN PELAJAR TAJAAN BIASISWA YANG BAKAL
BERANGKAT KE LUAR NEGARA**

Kuala Lumpur: Permodalan Nasional Berhad (PNB) hari ini meraikan para penerima Anugerah Biasiswa Luar Negara yang bakal berangkat ke luar negara di majlis "Program Pra-Keberangkatan 2017" di Ibu Pejabat PNB, Kuala Lumpur.

Majlis yang dihadiri oleh Pengerusi Kumpulan PNB, Tan Sri Abdul Wahid Omar, Presiden dan Ketua Eksekutif Kumpulan, Dato' Abdul Rahman Ahmad, serta Pengurusan Kanan PNB telah meraikan 22 orang pelajar dari Kumpulan ke-19 bagi pengambilan tahun 2015 dan telah pun menamatkan program persediaan selama 2 tahun di Kolej Yayasan UEM dan di Kolej Yayasan Saad International School. Turut hadir ialah para ibu bapa dan penjaga mereka.

Tujuh belas daripada mereka akan melanjutkan pelajaran di United Kingdom seawal pertengahan bulan September ini di University College London, University of Warwick dan City, University London, manakala selebihnya akan melanjutkan pelajaran di Australia.

Selari dengan teras perniagaan PNB iaitu pengurusan dana dan unit amanah serta pelaburan sektor hartanah, pelajar-pelajar tajaan PNB tersebut akan mengikuti pengajian dalam bidang perakaunan, kewangan, ekonomi, sains aktuari, pengurusan pelaburan dan risiko, undang-undang dan kejuruteraan.

Iqram Fitrishah Iqram Shahfuree antara pelajar yang bakal menuntut di University College London (UCL) dalam bidang kejuruteraan awam. Pelajar bekas Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) Taiping ini berkata kecemerlangan akademik yang dicapainya adalah hasil ketekalan dalam mengulang kaji pelajaran dan bergaul dengan rakan-rakan yang saling mendorong. "Melihat kegigihan ibu yang bekerja keras untuk menyara keluarga adalah pendorong utama kepada saya untuk belajar sehingga berjaya ke peringkat ini," tambah beliau.

Iqram Fitrishah berazam untuk menjadi penganalisis PNB yang terbaik selepas tamat belajar dan seterusnya membantu PNB membangunkan syarikat ke peringkat yang lebih tinggi.

Seorang lagi pelajar yang turut akan berangkat ke UCL, Arina Al Rhosky Mohammed Al Rhosky, memilih gabungan bidang kejuruteraan mekanikal dengan pengurusan perniagaan. Beliau yang amat meminati mata pelajaran fizik dan matematik berkata keikhlasan dalam menuntut ilmu dan sifat ingin tahu serta fokus dalam memahami setiap topik pengajian adalah kunci kejayaan dalam pencapaian akademiknya.

“Kejayaan seseorang pelajar bergantung kepada usaha sendiri dan seseorang itu tidak harus takut akan kegagalan. Berusahalah sedaya upaya, Insya Allah, pelajar itu akan berjaya”, ujar Arina. Arina berazam untuk memperoleh Ijazah Kelas Pertama dan memberi sumbangan bukan sahaja kepada PNB, malah untuk negara dan dunia.

Dalam menyampaikan mandat beliau kepada para penerima anugerah yang hadir, Tan Sri Abdul Wahid menasihatkan mereka untuk fokus kepada terhadap pembelajaran sepanjang berada di luar negara. “Dengan latar belakang pendidikan yang cemerlang, ditambah dengan taraf pengajian berkualiti di universiti yang bakal diduduki, saya yakin para pelajar mampu untuk meneruskan kejayaan yang pernah dicapai sebelum ini”.

Tan Sri Abdul Wahid menyuarakan hasrat beliau untuk menyaksikan kesemua para pelajar tajaan PNB pulang dengan Ijazah Kelas Pertama. Beliau juga mengingatkan para pelajar agar terus berpegang kepada jati diri sebagai warga Malaysia yang beragama Islam dan supaya sentiasa ingat pada ibu bapa masing-masing. “Pada waktu yang sama, saya menggalakkan para pelajar mengenali budaya dan bergaul dengan masyarakat tempatan, dan responsif dengan suasana ekonomi dan teknologi negara yang diduduki”, tambah beliau.

Program Anugerah Biasiswa Luar Negara PNB yang diperkenalkan pada tahun 1996 telah menganugerahkan biasiswa untuk pengajian luar negara kepada 344 orang pelajar. Pada masa ini, seramai 29 masih menuntut di United Kingdom, 6 di Australia dan 52 lagi sedang mengikuti program persediaan di dalam negara.

Setakat ini, seramai 160 orang pemegang biasiswa PNB telah menamatkan pengajian mereka di peringkat sarjana muda dan kini sedang berkhidmat di PNB memegang pelbagai jawatan di pelbagai jabatan. Rangka Kerja Tanggungjawab Sosial Korporat PNB menumpukan kepada empat cabang utama iaitu pendidikan, kebolehpasaran kerja, celik kewangan dan pembinaan rumah mampu milik.

– TAMAT –

Tentang PNB

Permodalan Nasional Berhad (PNB) merupakan salah satu syarikat pengurusan dana terbesar di Malaysia yang memiliki syarikat pengurusan unit amanah iaitu Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB) dan Amanah Mutua Berhad (AMB). PNB telah berkembang pesat sejak penubuhannya, dengan aset di bawah pengurusan (AUM) kini mencapai lebih RM266 bilion, dari sekitar RM3.5 bilion pada tahun 1981. Dengan Pelan Strategik STRIVE-15 2017-2022 di bawah kepimpinan baharu, PNB kini sedang mengorak langkah ke hadapan untuk mengekalkan prestasinya untuk jangka masa lima tahun akan datang bagi mencapai wawasannya menjadi sebagai sebuah Firma Pelaburan Distinktif Bertaraf Dunia. Untuk maklumat lanjut, sila layari www.pnb.com.my.

Dikeluarkan oleh Permodalan Nasional Berhad



Iqram Fitrishah: Ibu pendorong utama kepada kecemerlangan akademik.



Arina Al Rhosky: Kejayaan seseorang pelajar banyak bergantung atas usaha sendiri.



Berkongsi pengalaman: Tan Sri Wahid Omar berkongsi cerita dengan para pelajar sambil diperhatikan oleh Dato' Abdul Rahman.



Ceria: Para pelajar bergambar bersama-sama dengan Tan Sri Wahid Omar dan Dato' Abdul Rahman selepas penyerahan Sijil Tamat A-Level.